



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 17 TAHUN 2007

BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL

TUJUAN

1. Surat pekeliling perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan mengenai kedudukan Perkhidmatan Kritikal dalam perkhidmatan awam dan kaedah pelaksanaan pemberian Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memperkenalkan Perkhidmatan Kritikal semasa pelaksanaan Sistem Saraan Baru pada 1 Januari 1992 kerana menyedari bahawa negara menghadapi kekurangan bekalan tenaga manusia dalam perkhidmatan tertentu. Keadaan tersebut boleh menjejaskan kemajuan pelaksanaan program-program pembangunan yang diberi keutamaan dari segi dasar dan strategi pembangunan negara. Sehubungan itu, Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal adalah diberi kepada skim-skim perkhidmatan yang ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal.

3. Tahap kritikalnya sesuatu perkhidmatan akan berubah mengikut keadaan atau keperluan semasa. Oleh itu, Perkhidmatan Kritikal perlu dikaji semula setiap lima (5) tahun sama ada bagi mengekal atau menarik balik pemberian Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal berdasarkan kepada empat (4) kriteria yang telah ditetapkan iaitu:

- (a) peranan dan sumbangan perkhidmatan ke arah pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara berdasarkan bidang-bidang yang telah diberi keutamaan di bawah rancangan-rancangan pembangunan negara;
- (b) kedudukan persaingan dalam pasaran buruh bagi tenaga anggota terlatih yang diperlukan, meliputi pertimbangan ke atas faktor-faktor seperti kedudukan penawaran dan permintaan, kadar pusing ganti dan kadar saraan di pasaran bagi kategori tenaga kerja berkenaan;
- (c) kelayakan dan kebolehan yang perlu ada pada perkhidmatan iaitu dari segi kelayakan dan latihan, pengalaman, kepakaran, kemahiran dan bakat; dan
- (d) keadaan persekitaran tempat kerja yang dilihat dari segi kesan-kesan kepada kesihatan, pendedahan kepada risiko-risiko kemalangan dan sistem waktu kerja yang digunakan.

Senarai Perkhidmatan Kritikal

4. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan pada tahun 2007, kerajaan memutuskan:

- (a) mengiktiraf lima (5) skim perkhidmatan baru sebagai Perkhidmatan Kritikal iaitu:

- (i) Pegawai Kawalan Trafik Udara;
 - (ii) Pembantu Perubatan;
 - (iii) Pembantu Teknik Kapal Terbang;
 - (iv) Penerbit Rancangan; dan
 - (v) Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara.
- (b) mengekalkan 31 skim perkhidmatan daripada senarai Perkhidmatan Kritikal sedia ada iaitu:
- (i) Arkitek;
 - (ii) Arkitek Laut;
 - (iii) Jururawat;
 - (iv) Jurutera;
 - (v) Jurutera Laut;
 - (vi) Juruterbang/ Pemeriksa Juruterbang;
 - (vii) Juruukur Bahan;
 - (viii) Malim;
 - (ix) Pegawai Ehwat Ekonomi (di MIDA);
 - (x) Pegawai Farmasi;
 - (xi) Pegawai Laut;
 - (xii) Pegawai Penyelidik;
 - (xiii) Pegawai Pergigian;
 - (xiv) Pegawai Perikanan (kejuruteraan);

- (xv) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (kejuruteraan);
- (xvi) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (kejuruteraan);
- (xvii) Pegawai Pertanian (kejuruteraan);
- (xviii) Pegawai Perubatan;
- (xix) Pegawai Undang-undang;
- (xx) Pembantu Pegawai Latihan Vokasional/ Penolong Pegawai Latihan Vokasional/ Pegawai Latihan Vokasional;
- (xxi) Pemeriksa Kapal Terbang;
- (xxii) Pemeriksa Kilang dan Jentera;
- (xxiii) Pengajar (kejururawatan);
- (xxiv) Penjaga Jentera Elektrik;
- (xxv) Penolong Jurutera Laut;
- (xxvi) Penolong Pegawai Laut;
- (xxvii) Penolong Pemeriksa Kilang dan Jentera;
- (xxviii) Pensyarah Pergigian;
- (xxix) Pensyarah Perubatan;
- (xxx) Pensyarah UiTM (kejuruteraan, perundangan, kejururawatan, ukur bahan, seni bina dan farmasi); dan
- (xxxi) Pensyarah Universiti (kejuruteraan, perundangan, kejururawatan, ukur bahan, seni bina dan farmasi).

(c) menggugurkan dua (2) skim perkhidmatan dan satu disiplin iaitu ketukangan daripada senarai Perkhidmatan Kritikal sedia ada iaitu:

- (i) Tukang K1;
- (ii) Tukang K2;
- (iii) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (ketukangan); dan
- (iv) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (ketukangan).

5. Bagi skim perkhidmatan Pegawai Ehwal Ekonomi, selain daripada dikekalkan pemberian kepada Pegawai Ehwal Ekonomi yang berkhidmat di Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), ia juga dipanjangkan kepada Pegawai Ehwal Ekonomi di Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE). Bagi skim perkhidmatan Pengajar pula, pemberian Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal dipanjangkan kepada bidang Pembantu Perubatan. Pemberian insentif ini juga dipanjangkan kepada skim perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (kejuruteraan, ukur bahan dan seni bina).

6. Keputusan kerajaan mengiktiraf lima (5) skim perkhidmatan baru dan mengekalkan 31 skim perkhidmatan daripada senarai Perkhidmatan Kritikal sedia ada sebagai Perkhidmatan Kritikal setelah mengambil kira tahap kritikal perkhidmatan yang tinggi, bagi menarik dan mengekalkan pegawai dalam perkhidmatan dan keperluan serta sumbangan perkhidmatan dalam pelaksanaan program-program pembangunan. Manakala, dua (2) skim perkhidmatan dan satu (1) disiplin iaitu ketukangan digugurkan daripada senarai Perkhidmatan Kritikal sedia ada kerana tidak mencapai tahap kritikal yang ditetapkan.

PELAKSANAAN

Syarat Pemberian Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal

7. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal layak diberi kepada pegawai yang memenuhi kesemua syarat berikut:

- (a) mempunyai kelayakan/ kelulusan yang disyaratkan dalam skim-skim perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal;
- (b) dilantik sebagai pegawai tetap/ sementara/ kontrak (pegawai kontrak dari dalam dan luar negara) dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal;
- (c) berada dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Sokongan; dan
- (d) menggunakan kelayakan/ kelulusan yang dimilikinya untuk menjalankan skop fungsi bidang tugas skim perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal. Contohnya, bagi skim perkhidmatan Pegawai Penyelidik, skop fungsi bidang tugasnya ialah menjalankan penyelidikan asas dan gunaan. Jika pegawai menjalankan tugas-tugas lain seperti tugas-tugas pentadbiran, pengurusan personel, perhubungan awam dan perkhidmatan kaunter, mereka tidak layak diberi Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.

8. Bagi skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah UiTM, Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian, bidang-bidang yang layak mendapat taraf kritikal ditentukan berasaskan kepada kelayakan yang diperolehi pegawai berkenaan pada peringkat sarjana/ doktor falsafah (Ph.D) dan bukannya pada peringkat ijazah pertama. Walau bagaimanapun, bagi skim perkhidmatan Pensyarah UiTM yang memperuntukkan gred lantikan pada DM41, bidang-bidang yang layak mendapat taraf kritikal ditentukan berasaskan kepada kelayakan yang diperolehi pegawai berkenaan pada peringkat ijazah sarjana muda.

9. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (kejuruteraan) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (kejuruteraan) yang mengajar di sekolah menengah perlu memenuhi syarat peruntukan waktu minimum mengajar sekurang-kurangnya mengajar 15 waktu seminggu untuk melayakkan diberi Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.

10. Pemberian Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal hendaklah **diberhentikan** kepada pegawai apabila berada dalam keadaan seperti berikut:

- (a) bayaran diberhentikan mengikut tempoh cuti bagi pegawai yang mengambil:
 - (i) cuti tanpa gaji;
 - (ii) cuti belajar tanpa gaji;
 - (iii) cuti separuh gaji;
 - (iv) cuti belajar separuh gaji;
 - (v) cuti belajar bergaji penuh kerana berkursus melebihi tiga (3) bulan;
 - (vi) cuti rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut;
 - (vii) cuti haji yang melebihi 28 hari berturut-turut;
 - (viii) cuti sakit yang melebihi 28 hari berturut-turut;
 - (ix) cuti bersalin; dan
 - (x) kombinasi mana-mana jenis cuti di perenggan (vi), (vii), (viii) dan (ix) di atas yang melebihi 28 hari berturut-turut.

- (b) bayaran diberhentikan bagi tempoh pemangkuan pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang memangku jawatan Gred Utama/ Gred Khas.

11. Kerajaan dengan mengambil kira bahawa Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang mengikuti kursus Sarjana Perubatan atau Pergigian, yang mana berkenaan, di bawah program kepakaran adalah menjalankan skop fungsi bidang tugas dan tanggungjawab sepenuh masa di samping berkursus, membenarkan mereka diberi Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal sepanjang tempoh berkursus tersebut seperti berikut:

- (a) Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang mengikuti kursus Sarjana Perubatan atau Pergigian yang mana berkenaan di bawah program kepakaran yang dilaksanakan di dalam negara mengikut Sistem Terbuka adalah layak diberi Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal mengikut kadar sebenar sebulan; dan
- (b) Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang mengikuti kursus Sarjana Perubatan atau Pergigian yang mana berkenaan di bawah program kepakaran yang dilaksanakan di dalam negara mengikut Sistem Tertutup pula layak diberi Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal atas kadar separuh daripada kadar sebenar sebulan.

12. Jururawat serta Pembantu Perubatan yang mengikuti kursus *Post Basic* yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, yang mana berkenaan, adalah juga diambilkira melaksanakan skop fungsi bidang tugas dan tanggungjawab sepenuh masa di samping berkursus, adalah dibenarkan diberi Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal sepanjang tempoh berkursus tersebut.

13. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (kejuruteraan) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (kejuruteraan) yang diberi Bayaran Insentif Subjek Pendidikan tidak layak menerima Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.

Kadar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal

14. Kadar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal adalah seperti berikut:
- (a) **5%** daripada gaji pokok sebulan untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional kecuali bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian, Pensyarah Universiti (farmasi) dan Pensyarah UiTM (farmasi) adalah **RM750** sebulan tanpa mengikut gred;
 - (b) **10%** daripada gaji pokok sebulan untuk Kumpulan Sokongan kecuali bagi Jururawat dalam Kumpulan Sokongan adalah **15%** daripada gaji pokok sebulan;
 - (c) **10%** daripada gaji pokok sebulan secara Khas Untuk Penyandang kepada Jururawat dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang terlibat dalam pelaksanaan opsyen tukar lantik ke skim perkhidmatan Jururawat Bersepadu mengikut surat JPA(S)(BPO)256/21/3-2 Klt.10(45) SK1(9) bertarikh 24 Mei 2005; dan
 - (d) **10%** daripada gaji pokok sebulan secara Khas Untuk Penyandang kepada Jururawat yang terlibat dalam pelaksanaan opsyen tukar lantik ke skim perkhidmatan Pengajar (kejururawatan) mengikut surat JPA(S)(BPO)256/21/3-2 Klt.10(45) SK1(8) bertarikh 24 Mei 2005.

PEMBATALAN

15. Dengan berkuat kuasanya surat pekeliling perkhidmatan ini, surat-surat edaran berikut adalah dibatalkan:

- (a) JPA(S)256/21/3 Klt. 2(38) bertarikh 30 November 1992;
- (b) JPA(S)256/21/3 Klt.3 (48) bertarikh 12 Mac 1993;

- (c) JPA(S)256/21/3 Klt.3(59) bertarikh 19 Mac 1993;
- (d) JPA(S)256/21/3 Klt.5(6) bertarikh 11 Oktober 1993;
- (e) JPA(S)256/21/3 Klt.6(28) bertarikh 20 Julai 1994;
- (f) JPA(S)63/158 Klt.4/(32) bertarikh 17 Disember 1999;
- (g) JPA(S)324/14/9 Klt.18(47) bertarikh 21 Jun 2000;
- (h) JPA(S)324/14/24 Klt.13(16) bertarikh 21 September 2000;
- (i) JPA(S)63/158(SV27) bertarikh 1 Disember 2000;
- (j) JPA(S)63/158(SV28) bertarikh 31 Januari 2001;
- (k) JPA(S)63/158(SV43) bertarikh 11 Jun 2001;
- (l) JPA(S)63/158(SV47) bertarikh 4 Julai 2001;
- (m) JPA(S)4/40 KLT.4(11) bertarikh 16 Julai 200;
- (n) JPA(S)63/158(SV60) bertarikh 19 November 2001;
- (o) JPA(S)256/21/3-2 Klt.8(25) bertarikh 29 Januari 2003;
- (p) JPA(S)(BPO)256/21/3-2 Klt.10(45)SK1(8) bertarikh 24 Mei 2005;
- (q) JPA(S)(BPO)256/21/3-2 Klt.10(45)SK1(9) bertarikh 24 Mei 2005;
- (r) JPA(S)(BPO)256/21/3-2 Klt.10(45)SK1(10) bertarikh 24 Mei 2005;
- (s) JPA(S)(BPO)256/21/3-2 Klt.10(45)SK1(12) bertarikh 24 Mei 2005;
- (t) JPA(S)(BPO)256/21/3-2 Klt.13(63) bertarikh 11 Julai 2006;
- (u) JPA(S)(BPO)256/21/3-2 Klt.19(19) bertarikh 3 Julai 2007; dan
- (v) pemakluman-pemakluman lain yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

TARIKH KUAT KUASA

16. Tarikh kuat kuasa surat pekeliling perkhidmatan ini ialah mulai **1 Januari 2008**.

PEMAKAIAN

17. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan surat pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

11 Disember 2007

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan